



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**28 September 2020**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Labuh 16 tukun tiruan
Kosmo !	• RM1.5 juta baik pulih empat jeti nelayan
Sinar Harian	• Cubaan nelayan Vietnam loloskan diri gagal • RM1.5 juta baik pulih empat jeti nelayan
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	✓ NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		18	28/9/2020

## Labuh 16 tukun tiruan

Hm mls 18 28/9/2020



**PENGURUSI** Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim (tiga dari kiri) pada program melabuhkan tukun tiruan di perairan Beting Lintang, semalam. Kerajaan negeri dan Persekutuan masing-masing memperuntukan RM300,000 dan RM200,000 bagi membina dan melabuhkan 16 tukun tiruan bertujuan meningkatkan produktiviti biologi dan sumber perikanan di kawasan perairan Terengganu. - Bernama

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		16 28/9/2020

KOSMO M/S 16 28/9/2020

## Pastikan keselamatan nelayan, pengguna terjamin **RM1.5 juta baik pulih empat jeti nelayan**

Oleh WAT KAMAL ABAS

TAIPING ~ Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukkan kira-kira RM1.5 juta untuk membaik pulih empat jeti nelayan di daerah ini bagi memastikan keselamatan nelayan dan pengguna terjamin.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, empat jeti terlibat ialah jeti nelayan di Sungai Che Rahmat, Kampung Permatang Laut, Kampung Nibong dan Kampung Menteri.

"LKIM prihatin dengan kemudahan asas termasuk laluan di empat jeti berkenaan yang sudah uzur dan tidak lagi selamat digunakan.

"Kita akan mulakan kerja-kerja baik pulih awal Oktober ini dan dijangka siap pada penghujung tahun," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Bantuan Tabung Anak-anak Bukit Gantang inisiatif Parlimen Bukit Gantang di Dewan Serbaguna Sungai Kerang, Trong di sini semalam.

Dalam perkembangan lain katanya, LKIM juga kini dalam peringkat perbincangan akhir dengan Majlis Daerah Taiping (MPT) bagi tujuan baik pulih dan membangunkan semula Lamian Changkat Jering seperti dicadangkan sebelum ini.

Katanya, dataran perniagaan



JETI nelayan di Sungai Che Rahmat, Trong dekat Taiping akan dibaik pulih kerana terlalu uzur dan tidak selamat digunakan.

itu akan melalui proses naik taraf untuk dijadikan pusat pengumpulan dan pengedaran hasil marin dan pertanian.

"Peruntukan sebanyak RM2 juta sudah disediakan dan kita hanya menunggu persetujuan dan syarat MPT bagi membolehkan kerja-kerja naik taraf dimulakan," ujarnya.

Ahli Parlimen Bukit Gantang itu juga menyasarkan untuk membuka sebanyak 500 akaun tabung anak-anak Bukit Gantang yang membatikan peruntukan

sebanyak RM50,000.

Menurutnya, deposit awal sebanyak RM100 telah disumbangkan ke setiap akaun sebagai galakan ibu bapa memulakan simpanan secara khusus untuk pendidikan anak mereka pada masa depan.

"Sebanyak 73 akaun telah dibuka bagi fasa pertama yang melibatkan penduduk di Dewan Undangan Negeri Trong.

"Sekiranya akaun ini aktif, kita akan tambah RM100 setiap tahun dalam akaun itu," jelasnya.

JENIS AKHIBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		26 28/9/2020

SH M/S 26 28/9/2020

## Cubaan nelayan Vietnam loloskan diri gagal

**KEMAMAN** - Cubaan 22 awak-awak termasuk dua teknong melerikan diri dalam operasi dilaksanakan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di dua lokasi berasingan gagal apabila bot mereka ditahan Jumaat lalu.

Kedua-dua bot berkenaan dikesan ketika nelayan terbadit sedang menangkap ikan pada jarak 130 dan 131 batu nautika dari Pantai Kuala Kemaman di sini.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, bagaimanapun, bot berkenaan memecut laju selepas ternampak kapal ronda Maritim dan berlaku kejarnengejar sebelum anggotanya berjaya memintas dan menahan bot terbabit sejam kemudian.

"Mereka sanggup memotong pukat yang sedang ditarik bagi mengelak daripada ditahan. Kami berjaya menahan kedua-dua bot tersebut keluar dari perairan negara,"

katanya pada sidang akhbar di sini kelmarin.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut mendapati kesemua nelayan berusia dalam lingkungan antara 20 hingga 61 tahun itu gagal menunjukkan lesen bot dan dokumen pengenalan diri serta tiada kebenaran menangkap ikan di perairan negara.

Beliau menjelaskan, susulan penahanan itu juga, pihaknya turut merampas hasil laut seberat kira-kira satu tan, diesel serta peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai keseluruhan hampir RM3 juta.

"Kesemua mereka dibawa ke jeti zon Maritim Kemaman bagi menjalani saringan Covid-19 sebelum siasatan lanjut dilakukan.

Sementara itu, Rashidilhadi berkata, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, sebanyak 89 buah bot nelayan asing telah diusir dari memasuki perairan negara ini.



Nelayan Vietnam yang ditahan menunggu giliran untuk menjalani saringan Covid-19 di Jeti Zon Maritim Kemaman Jumaat lalu.

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓ THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		29	29/9/2020

# RM1.5 juta baik pulih empat jeti nelayan

SH M/S 29 29/9/2020



Syed Abu Hussin menyempurnakan gimbik perasmian Bantuan Tabung Anak-anak Bukit Gantang Intensif Parlimen Bukit Gantang di Dewan Serbaguna Sungai Kerang, Trong di sini semalam.

LKIM lulus peruntukan melibatkan jeti yang sudah uzur dan tidak selamat digunakan.

Oleh NORMAWATI ADNAN

## BUKIT GANTANG

**L**embaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyalurkan peruntukan kira-kira RM1.5 juta untuk membakar pulih empat jeti nelayan di kawasan Parlimen Bukit Gantang bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, empat jeti terlibat ialah jeti nelayan di Sungai Che Rahmat, Kampung Permatang Laut, Kampung Nibong dan Kampung Menteri yang sudah

uzur dan tidak selamat digunakan.

“Kerja-kerja pemberaan bermula bulan hadapan dan dijangka siap paling awal hujung tahun ini,” katanya kepada pembeza selepas merasmikan Bantuan Tabung Anak-anak Bukit Gantang Intensif Parlimen Bukit Gantang di Dewan Serbaguna Sungai Kerang, Trong di sini semalam.

Dalam perkembangan lain katanya, LKIM juga kini dalam peringkat perbincangan akhir dengan Majlis Daerah Taiping (MPT) bagi tujuan baik pulih dan membangunkan semula Laman Changkat Jering seperti dicadangkan sebelum ini.

Katanya, dataran perniagaan itu akan melalui proses naik taraf untuk dijadikan pusat pengumpulan dan pengedaran hasil marin dan pertanian.

“Peruntukan sebanyak RM2 juta sudah disediakan dan kita hanya menunggu persetujuan

dan syarat MPT bagi membolehkan kerja-kerja naik taraf bermula,” katanya.

Sementara itu, Syed Abu Hussin yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang menyasarkan untuk membuka sekurang-kurangnya 500 akaun tabung anak-anak Bukit Gantang membabitkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM50,000.

Menurutnya, deposit awal sebanyak RM100 telah disumbangkan ke setiap akaun sebagai galakan kepada ibu bapa memulakan simpanan khususnya bagi tujuan pendidikan anak-anak.

“Bagi fasa pertama, sebanyak 73 akaun melibatkan pengundi di DUN Trong telah dibuka dan kita nasihatkan ibu bapa supaya tidak mengeluarkan simpanan ini.

“Hasrat kita sekiranya akaun ini terus aktif, kita akan tambah RM100 lagi setiap tahun ke dalam setiap akaun,” katanya.